

# NeXT

Network of excellence, Knowledge and Transformation



**EDISI**

**MEI 2025**

---

**eISSN : 3093-6543**

# HARTA INTELEK CIPTAAN SAYA

Ahmad Azman Mohamad Ramli

Pengajian Sains Maklumat

Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik,

Universiti Teknologi MARA (UiTM),

Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau,

71300, Negeri Sembilan Darul Khusus, Malaysia.

Penulis telah menyertai UiTM bermula pada 1 April, tahun 2009. Bermula daripada tarikh tersebut dan sehingga kini, penulis telah berjaya mencipta 3 produk harta intelek yang didaftarkan di Pendaftaran Harta Intelek Malaysia (MyIPO). Perlindungan ketiga-tiga harta intelek tersebut adalah di bawah kategori Hakcipta (Copyright). Pendaftaran harta intelek tersebut adalah melalui pihak Business Innovation & Technology Commercialization Centre (BITCOM), UiTM. Kertas ini akan memberikan penerangan ringkas tentang ketiga-tiga produk harta intelek tersebut.



Lambang Perbadanan Harta Intelek Malaysia

Produk harta intelek yang pertama bertajuk **Repository of Virtual Training Links for UiTM Staff (ReViTual)**. Produk ini diluluskan permohonan perlindungan harta intelek oleh pihak BITCOM, UiTM pada tarikh 21 Jun 2022. Produk ini berbentuk sistem perisian yang berfungsi memudahkan pengguna menyertai kursus-kursus yang diadakan secara dalam talian. Produk ini memudahkan pengguna kerana ia berperanan menyimpan secara sistematik dan kreatif pautan-pautan kursus dalam talian ke dalam satu perisian PDF yang percuma. Perisian PDF ini boleh disimpan di dalam mana-mana peranti pengguna seperti di telefon bimbit, komputer peribadi dan sebagainya. Apabila pengguna ingin menyertai mana-mana kursus, mereka hanya perlu membuka perisian PDF di dalam peranti mereka dan seterusnya menekan pautan kursus yang ingin disertai yang tersedia di dalam perisian PDF itu. Oleh itu pengguna tidak perlu lagi membuang banyak masa mencari pautan-pautan kursus di pelbagai lokasi di dalam peranti mereka. Pihak pentadbir PDF juga akan sentiasa mengemaskini kandungan di dalam PDF tersebut supaya kandungannya sentiasa terkini.

Produk harta intelek yang kedua bertajuk **PDF Interaktif untuk Pencarian Sumber Maklumat Digital Berkaitan Covid-19 bagi UiTM Cawangan Negeri Sembilan (PIC-19)**. Produk ini diluluskan permohonan perlindungan harta intelek oleh pihak BITCOM, UiTM pada tarikh 11 Januari 2022. Produk ini berbentuk sistem perisian PDF percuma yang berperanan membantu kakitangan UiTM Cawangan Negeri Sembilan mengakses dan merujuk dengan mudah sumber-sumber maklumat yang berkaitan Covid-19 yang diperlukan untuk urusan rasmi di pejabat. Sumber-sumber maklumat tersebut boleh berbentuk pekeliling, poster infografik, surat dan video digital yang tersimpan di pelbagai media sosial seperti di YouTube, Facebook, e-mel, Instagram dan sebagainya. Produk ini berfungsi dengan cara mengumpul secara sistematik dan kreatif semua pautan-pautan ke sumber-sumber maklumat tersebut ke dalam satu PDF. Apabila pengguna ingin mengakses sesuatu sumber maklumat, mereka hanya perlu membuka PDF tersebut dan menekan pautan kepada sumber maklumat yang diperlukan yang disediakan di dalam PDF itu.

Perisian PDF ini boleh disimpan di dalam mana-mana peranti pengguna seperti di telefon bimbit, komputer peribadi dan sebagainya. Apabila pengguna ingin merujuk kepada mana-mana sumber maklumat berkaitan Covid-19 yang berkaitan dengan tugas rasmi di pejabat, mereka hanya perlu membuka perisian PDF di dalam peranti mereka dan seterusnya menekan pautan kursus yang ingin disertai yang tersedia di dalam perisian PDF itu. Oleh itu pengguna tidak perlu lagi membuang banyak masa mencari pautan-pautan kursus di pelbagai lokasi di dalam peranti mereka. Pihak pentadbir PDF juga akan sentiasa mengemaskini kandungan di dalam PDF tersebut supaya kandungannya sentiasa terkini.

Produk harta intelek yang ketiga bertajuk **Prototaip Reka Bentuk Mesej Teks Aplikasi WhatsApp Rasmi daripada Pejabat Awam yang Patuh Peraturan Penggunaan Media Sosial di Malaysia**. Produk ini diluluskan permohonan perlindungan harta intelek oleh pihak BITCOM, UiTM pada tarikh 21 Disember 2020. Produk ini berbentuk model kepada reka bentuk mesej teks aplikasi WhatsApp rasmi yang patuh kepada peraturan-peraturan berkaitan media sosial yang ditetapkan oleh pihak Perkhidmatan Awam Malaysia. Oleh itu, produk ini boleh dijadikan sumber panduan untuk kakitangan kerajaan menghasilkan dengan mudah reka bentuk mesej teks berkaitan dengan tugas rasmi dalam aplikasi WhatsApp yang patuh kepada peraturan berkaitan media sosial yang sedang berkuatkuasa di Malaysia.

Maklumat yang lebih terperinci mengenai ketiga-tiga produk harta intelek ini boleh dirujuk di dalam sistem Portal for Research and Innovation Management (PRIME) di alamat <https://prime.uitm.edu.my/>. Semoga penghasilan ketiga-tiga produk harta intelek ini akan menjadi sumber motivasi kepada penulis untuk terus menghasilkan produk-produk harta intelek yang didaftarkan di Pendaftaran Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dan seterusnya dapat membantu UiTM menjadi sebuah universiti terbilang di Malaysia dan di peringkat global.